



UPM Tingkat Kerjasama Pertanian Dengan Universiti Montpellier II



Dokumen persefahaman ditandatangani oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mewakili UPM (dua dari kanan) dan oleh Presiden UM2, Prof. Dr. Daniale Herin (dua dari kiri) dengan disaksikan oleh Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Ghizan Saleh dan Naib Canselor Perantarabangsaan UM2, Prof. Jarome Galy.

MONTPELLIER (Perancis) 27 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) meluaskan kerjasama pengajaran dan penyelidikan pertanian dengan Universiti Montpellier II (MU2) di sini baru-baru ini.

Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Ghizan Saleh berkata kerjasama yang dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi tersebut berasaskan keseksamaan dan faedah bersama.

"Kedua-dua pihak berusaha untuk meningkatkan program pertukaran pelajar dan staf dalam kalangan pengajar, pentadbir dan penyelidik termasuk projek penyelidikan pertanian.

"Selain itu, kami juga akan menubuhkan program bersama dan kerjasama lain dalam bidang pertanian yang dipersetujui oleh kedua-dua institusi," katanya.

MoU tersebut berkuatkuasa lima tahun sejak 27 Mac tahun lalu telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Presiden MU2, Prof. Dr. Daniale Herin dengan disaksikan oleh Prof. Dr. Ghizan Saleh dan Naib Canselor Perantarabangsaan MU2, Prof. Jarome Galy.

Walaupun Montpellier University telah ditubuhkan pada tahun 1289, MU2 bermula pada tahun 1970 dengan mempunyai lapan bidang pengkhususan iaitu Biology and Applications, Chemistry, Network and Telecommunications, Automation and Electrical, Sciences, Informatics, Physics dan Business School and Marketing.

Sementara itu delegasi UPM telah melawat Agropolis International iaitu satu pertubuhan komuniti saintifik yang dianggotai lapan pusat penyelidikan, lima universiti dan tujuh institusi pengajian tinggi di Montpellier terdiri daripada 2,300 orang penyelidik, 7,000 pelatih dan 1,400 juruteknik dalam 112 unit penyelidikan inter-institutional dan interdisciplinary.

Pengarah Agropolis, Dr. Fabien Bouldier ketika memberikan taklimat berkata aktiviti yang dijalankan mereka ialah dalam bidang pertanian, makanan, alam sekitar, biodiversiti dan persatuan.

"Agropolis telah menjadi satu badan untuk mengkoordinasi dan memudahkan hubungan kerjasama di antara institusi dan penyelidik selain menjadi tuan rumah untuk delegasi saintis dalam dan luar negara.

"Ahli Agropolis boleh bekerjasama tanpa batasan untuk menggunakan semua kemudahan yang disediakan di makmal dan di semua institusi di Montpellier," katanya.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah diberi penerangan mengenai Agropolis yang disampaikan oleh Pengarah Agropolis International, Montpellier, France, Dr. Fabien Bouldier.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.